

"Kami tidak akan mengaku kalah sebelum berjuang untuk keadilan"

Um - 4/2/2007

Oleh NORILA DAUD

TIADA perbuatan yang lebih menyakitkan selain daripada menyaksikan negara sendiri diceroboh dan diikuti dengan peristiwa pembunuhan yang dilakukan terhadap sanak saudara, rakan taulan di samping pemusnahan harta benda akibat serangan dan bedilan bom dari udara dan darat.

Dan yang lebih menyayatkan lagi apabila dijadikan seorang tahanan pasukan polis Iraq yang bersekongkol dengan pencerobohan tentera Amerika Syarikat (AS).

Seorang bekas banduan penjara Aljadariya, Abu Al Harith atau Abbas Abid yang ditahan selama 13 bulan oleh Kementerian Dalam Negeri Iraq sempat diwawancara oleh *Mingguan Malaysia* ketika berada di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau merupakan salah seorang pendu-

duk dari bandar Fallujah yang ditahan dan dipenjarakan selama 13 bulan sebelum mahkamah membuat keputusan bahawa tiada kes yang boleh membabitkan beliau dengan kegiatan pengganas di Fallujah.

Fallujah merupakan antara bandar di Iraq yang paling aman selepas kejatuhan regim Saddam Hussein. Tidak banyak kejadian kecurian berlaku di Fallujah yang dipimpin oleh Datuk Bandarnya, Taha Bidaywi yang dipilih sendiri oleh penduduk Fallujah.

Penyokong

Beliau juga dikatakan penyokong kuat kepada Amerika Syarikat.

Abbas ketika ditemu ramah lebih gemar menceritakan mengenai keadaan Fallujah selepas berlakunya pertempuran dengan tentera marin AS antara 28 April 2003 sehingga Januari 2005 yang berakhir de-

ngan pengunduran tentera marin AS dari bandar tersebut daripada menceritakan penderitaannya ketika meringkuk di dalam penjara sebelum diadili di mahkamah.

Beliau turut berasa tertekan apabila seorang abangnya turut terkorban dalam pertempuran askar penceroboh dengan penduduk Fallujah.

Bagaimanapun bapa kepada tiga orang anak ini kelihatan cecak dan dari raut wajahnya tidak menampakkan langsung bahawa beliau berada dalam keadaan resah, risau ataupun kecewa dengan apa yang telah berlaku ke atas dirinya.

Namun demikian, sebagai seorang bekas jurutera, Abbas kelihatan serius dan begitu berhati-hati ketika bercerita dengan bantuan jurubahasa, Raad Al Mudares, bekas setiausaha Kedutaan Iraq ke Malaysia.

>> LIHAT MUKA 35

>>DARI MUKA 34

Menurut Abbas, dianggarkan 20 hingga 30 peratus daripada bangunan masjid di Fallujah rosak akibat dibedil oleh pasukan tentera penceroboh sementara sebanyak 300,000 penduduk Fallujah meninggalkan bandar itu. Mereka yang tidak kembali itu dikategorikan sama ada hilang, mati atau berhijrah ke bandar-bandar lain.

Kini Fallujah menjadi seperti padang jarak padang tekukur di mana kegiatan perniagaan dan pertanian lumpuh sama sekali akibat dikenakan perintah berkurung yang bermula dari matahari terbit sehingga malam.

Para petani hanya dibenarkan turun ke ladang-ladang dan kawasan pertanian di musim menuai dengan kebenaran tentera penceroboh manakala penduduk rata-rata takut hendak keluar dari rumah kerana dikhuatiri akan ditembak.

Padang-padang sekolah yang sebelum ini digunakan oleh pelajar untuk bermain bola sepak kini dijadikan kawasan perkuburan mangsa-mangsa serangan tentera penceroboh dan bangunan sekolah pula digunakan sebagai pusat operasi tentera AS dan polis Iraq.

Abbas memberitahu, tiada sekolah dibuka sejak April 2003 kerana penduduk Fallujah

berada dalam ketakutan ekoran perintah berkurung.

Penduduk bandar itu hanya dibekalkan air selama dua jam setiap hari dalam tempoh empat hari dan air yang dibekalkan itu tidak dijamin selamat untuk diminum kerana ia disalurkan terus dari Sungai Euphrates.

Sementara itu penduduk hanya mendapat bekalan elektrik selama sejam setiap hari.

Menurut Abbas, setiap hari lebih kurang 100 hingga 200 penduduk mati sama ada kerana cedera akibat serangan bom ataupun pesakit mati dalam perjalanan ke hospital yang jauh dari Fallujah.

Kata Abbas, tentera penceroboh telah memusnahkan hospital terdekat di bandar itu dan akibatnya kebanyakan pesakit mati sebelum sampai ke hospital.

Oleh kerana hospital jauh, wanita-wanita hamil terpaksa meninggalkan Fallujah sebelum sebelum tempoh mereka dijangka melahirkan anak.

Kanak-kanak tidak lagi ke sekolah manakala guru-guru juga sudah tidak lagi menjalankan tugas mereka kerana perintah berkurung sentiasa dilaksanakan dari waktu matahari terbit sehingga matahari terbenam.

Abbas berkata; "Kami cintakan kebebasan dan keamanan dan harapan kami agar dunia

membantu untuk kami mengecapi hidup aman tenteram.

"Kami juga ingin melihat kanak-kanak yatim piatu mengesat air mata mereka dan bermain-main seperti di masa lampau."

Di Fallujah katanya, pesakit-pesakit yang terlantar di hospital juga tidak selamat kerana mereka akan ditangkap dan ditahan bila-bila masa oleh tentera penceroboh atau polis Iraq sekiranya mereka disyaki terlibat dengan keganasan.

Oleh yang demikian banyak rakyat Iraq mati dalam tahanan atau penjara disebabkan tidak mendapat rawatan perubatan sebaliknya disiksa dengan pelbagai cara.

Seni bina

Pelbagai cara dilakukan untuk mengelakkan penduduk Fallujah berinteraksi dengan orang luar dari bandar tersebut.

Kadangkala pihak tentera penceroboh menutup bandar itu daripada dimasuki orang luar dalam tempoh dua hingga tiga hari.

Tambah menyukarkan keadaan apabila orang luar yang ingin masuk ke Fallujah memerlukan lima jam dengan terlebih dahulu melalui beberapa pemeriksaan rapi di pintu masuk utama bandar itu.

Jadi, apa yang boleh dilakukan di bandar

yang terkenal dengan kecantikan seni bina bangunan masjid lama dianggarkan 200 buah semuanya setelah hampir kesemua infrastruktur di bandar itu musnah.

Kini hanya 70 peratus daripada bangunan masjid di Fallujah boleh digunakan sementara yang lain musnah teruk akibat dibom dan diserang dari udara dan darat.

Walaupun baru berusia dalam awal 40-an, Abbas kelihatan lebih tua daripada usianya dan tidak mudah pula melemparkan senyuman.

Dalam apa keadaan sekalipun kata Abbas, rakyat Iraq pasti akan berjuang habis-habisan untuk mengembalikan martabat dan kedaulatan negara.

"Kami tidak akan sekali-kali mengaku kalah sebelum berjuang untuk keadilan dan mengembalikan keamanan di negara kami yang tercinta," katanya mengakhiri perbualan.

Abbas juga merupakan aktivis dalam pergerakan Persatuan Mangsa-Mangsa Penjara Pencerobohan AS yang kini mengumpulkan data dan dokumen daripada ahli-ahlinya sekitar lebih 150,000 orang untuk dikemukakan kepada badan yang memperjuangkan hak asasi manusia.